

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18 April 2017**

**SOALAN**

DATO' DR. JOHARI BIN MAT minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah bilangan penduduk miskin tegar di negara ini apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi fenomena pengemis yang semakin ketara khasnya di bandar-bandar besar.

## **JAWAPAN**

Berdasarkan rekod eKasih daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, sehingga 31 Mac 2017, seramai 581,943 Ketua Isi Rumah (KIR) telah berdaftar dengan eKasih di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut seramai 75,746 KIR adalah di bawah kategori Miskin Tegar dan 142,234 KIR pula di bawah kategori Miskin. Manakala seramai 363,963 KIR adalah di bawah kategori Terkeluar. Berdasarkan maklumat daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Sistem eKasih merupakan pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan kategori golongan miskin di Malaysia sama ada mereka tergolong dalam kalangan "Miskin Tegar dan Miskin" berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sedia ada. Sistem eKasih juga mengandungi maklumat bantuan dan nilai bantuan yang diterima oleh golongan miskin tersebut. Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan perkapita isirumah dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014 ataupun Household Income Survey 2014. Tuan Yang Dipertua, Bagi menangani isu pengemisan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil pendekatan secara menyeluruh (holistic) dengan penglibatan pelbagai agensi (multi-sectoral). KPWKM akan terus memperkemas dan memperkuatkan lagi tindakan bersepadu pelbagai agensi yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi memastikan aktiviti pengemisan dapat dikurangkan. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan operasi menyelamat pengemis berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 3, Akta Orang-Orang Papa 1977. Bagi aktiviti pengemisan secara sindiket, ia adalah di bawah bidangkuasa Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang bertindak di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007. Orang awam yang mempunyai maklumat berkaitan sindiket pengemis disarankan untuk melaporkan kepada PDRM bagi membolehkan PDRM mengambil tindakan. Kementerian melalui JKM dengan kerjasama pelbagai agensi telah menjalankan langkah-langkah seperti berikut bagi menangani isu pengemisan: 1. Menjalankan Operasi Bersepadu, Berjadual dan Ad-hoc/Aduan. Antara agensi yang terlibat dalam Operasi Bersepadu adalah Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran, Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kesihatan. Dalam operasi bersepadu ini setiap agensi akan mengenal pasti mereka yang diselamatkan. Setiap agensi akan mengambil tindakan terhadap kumpulan sasar mengikut bidang kuasa agensi. Pada tahun 2016, JKM telah menjalankan 2,707 operasi menyelamat pengemis di seluruh negara dan telah menyelamatkan seramai 2,278 orang pengemis yang melibatkan 668 orang pengemis warga asing dan 1,610 orang pengemis tempatan. 2. Mengadakan Kempen Kesedaran dan Pencegahan Pengemisan melalui media cetak dan media elektronik. Melalui kempen ini, poster, sticker dan pamphlet dengan slogan "Bijak Membantu, Elak Tertipu" telah diedarkan kepada orang awam melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Kempen bertujuan menerapkan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat bahawa aktiviti mengemis adalah menyalahi undang-undang. Oleh itu masyarakat perlu bijak membantu dan memberi sumbangan mengikut saluran betul seperti membantu rumah-rumah kebajikan yang berdaftar, mangsa bencana, rumah-rumah ibadat atau individu-individu yang dikenalpasti kesusahan hidupnya. Pada tahun 2016 sebanyak 248 kempen telah diadakan melalui pelbagai medium seperti pengedaran pamphlet dalam program-program yang dilaksanakan atau semasa operasi pengemis, siaran media seperti televisyen, radio, majalah, akhbar dan melalui media sosial. 3. JKM mewujudkan Desa Bina Diri (DBD) bagi memulihkan pengemis supaya mereka dapat berdikari dan tidak menjalankan lagi aktiviti pengemisan. Sehingga kini terdapat 4 buah DBD di seluruh Negara. Dalam tempoh tiga (3) tahun pemulihan, pengemis dan orang papa yang ditempatkan di DBD akan terlibat dalam setiap program pemulihan fizikal, mental dan terapi kerja melalui latihan vokasional yang bersesuaian seperti kraftangan, jahitan, pertanian dan penternakan agar mereka berupaya berdikari dan memajukan diri selepas bebas kelak.

